



FADZILLA menyampaikan sumbangan kepada wakil masjid bagi mengimarahkan masjid dan surau sempena Ramadan.

Kuantan: Sebanyak RM70,000 diperuntukkan kepada pengurusan masjid dan surau di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) bagi mengimarahkan Ramadan tahun ini.

Yang Dipertua MPK Datuk Fadzilla Salleh berkata, pada Ramadan tahun ini, 66 masjid dan 159 surau masing-masing akan menerima RM350 dan RM250 untuk mengadakan program di institusi keagamaan itu.

Katanya, sumbangan itu sebagai tanggungjawab so-

Sumbangan rai Ramadan

sial selain mengeratkan silaturahim antara pihak berkuasa tempatan (PBT) dengan masyarakat setempat.

“Kita harap sumbangan ini membantu pengurusan masjid dan surau mengimarahkan bulan keberkatan ini dengan pengisian aktiviti bermanfaat kepada masyarakat setempat,” katanya pada majlis penyampaian sumbangan Ramadan kepada masjid dan surau, di

sini, semalam.

Dalam pada itu, beliau berkata, pihaknya juga mengadakan program berbuka puasa dan solat Tarawih membabitkan warga MPK bersama pelajar sekolah, maahad tahfiz dan anak yatim terpilih.

Katanya, ia membabitkan anak yatim di Kompleks Perumahan Pak Mahat, di sini, Maahad Tahfiz Yayasan Pahang, Sekolah Menengah Agama Al-Ihsan dan Maa-

had Tahfiz Yayasan Darul Ulum Al-Basriyah Hajjah.

“MPK turut menempatkan juadah berbuka puasa disumbangkan peniaga bazar Ramadan.

“Pada masa sama, empat masjid dipilih mengadakan program berbuka puasa tahun ini iaitu Masjid Al-Hidayah Alor Akar, Masjid Tanjung Api, Masjid Saidina Abu Bakar As Siddiq dan Masjid Kampung Pandan 2,” katanya.

25/5/2017
Harian Metro